



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

PUBLIC SERVICE DEPARTMENT OF MALAYSIA

Bahagian Perkhidmatan

Service Division

Aras 1, 6 & 7, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-8889 2205 / 2204 / 2202
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan kami : JPA.BK(S)134/8/2-9 Jld.8 (13)

Tarikh : **23 Disember 2014**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

URUSAN PEMANGKUAN PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED J29/J30 KE GRED J36 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN (SEKTOR DALAM NEGERI)

Dengan hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam akan melaksanakan urusan pemangkuan bagi jawatan di atas dan dengan ini memohon pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk mengemukakan maklumat pegawai-pegawai yang layak dipertimbangkan ke jawatan berkenaan, iaitu:

Penolong Pegawai Latihan Vokasional J29/J30 layak dipertimbangkan pemangkuan ke **Gred J36** apabila telah berada di gred lantikan dan gred naik pangkat, sebagaimana berikut :

2.1 Penolong Pegawai Latihan Vokasional yang telah berkhidmat di **gred lantikan J29 mulai 31 Julai 2004 dan sebelum**; dan

2.2 Penolong Pegawai Latihan Vokasional yang telah berkhidmat di **gred naik pangkat J30 mulai 31 Disember 2010 dan sebelum**.

3. Di samping itu, pegawai-pegawai yang **layak dipertimbangkan** ke jawatan berkenaan perlu memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti berikut:

3.1 **telah disahkan dalam perkhidmatan;**

3.2 mencapai markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2011, 2012 dan 2013) **tidak kurang 80%**;

- 3.3 lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 3.4 telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 3.5 bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan;
- 3.6 bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib; dan
- 3.7 **diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.**

4. Permohonan hendaklah menggunakan **borang khas** seperti di **Lampiran A**, **Lampiran B** dan **Lampiran C** dan dikemukakan berserta dokumen-dokumen yang telah disahkan pada setiap helai muka surat seperti di bawah:

- 4.1 **satu (1) salinan Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemaskini; dan**
- 4.2 **satu (1) salinan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan bagi tiga (3) tahun terkini (2011, 2012 dan 2013).**

5. Sukacita diingatkan bahawa urusan pemangkuhan ini berkemungkinan melibatkan pertukaran ke tempat lain. Oleh yang demikian, pemohon dikehendaki menyatakan sama ada bersedia bertukar atau tidak, sekiranya diluluskan pemangkuhan di dalam borang permohonan pemangkuhan yang dilampirkan. Untuk makluman pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan jua, penempatan sebenar pemohon adalah tertakluk kepada pertimbangan akhir Jabatan ini demi kepentingan perkhidmatan secara keseluruhannya.

6. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai yang berada di bawah seliaan Kementerian/Jabatan/Agensi YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 30 Januari 2015 (Jumaat)** di alamat:

Pengarah
Bahagian Perkhidmatan
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p. Puan Norziatulshima Binti Tajuddin)

7. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:


- i. **Encik Wan Luqman bin Wan Sulaiman** - 03 8885 4143
luqman.wan@jpa.gov.my
- ii. **Encik Ahmad Azizi Bin Haji Nordin** - 03 8885 4304
azizi.nordin@jpa.gov.my
- iii. **Puan Haini Binti Ahmad** - 03 8885 4278
haini.ahmad@jpa.gov.my

8. Kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan juga adalah dipohon untuk memastikan hanya permohonan daripada calon-calon yang memenuhi syarat-syarat seperti yang ditetapkan dalam surat edaran ini dikemukakan. Permohonan yang lewat diterima atau tidak lengkap adalah tidak dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(NORZIATUL SHIMA BINTI TAJUDDIN)
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan
b.p. : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA.
☎ : 038885 4110
✉ : shima.tajuddin@jpa.gov.my